

# GEN.Y

[gen.y@hmetro.com.my](mailto:gen.y@hmetro.com.my)

Editor: Abie Abdullah

Twitter: @abie\_abdullah

Tel: 1-300-22-NSTP (6787) samb:4790/4725

Faks: 03-20567083/7084

## Gejala sosial kian parah!

**Statistik** Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) mencatatkan 81,000 anak luar nikah didaftarkan setakat ini. Manakala kajian sekumpulan penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM) pula mendapati 300 remaja Melayu berusia 13 hingga 25 tahun terbabit dengan salah laku seksual dan seks bebas serta 85 peratus daripada mereka yang melakukan perbuatan itu langsung tidak menyesal, malu atau takut malah menyifatkan pengalaman berkenaan sebagai menyeronokkan.

Statistik Polis Diraja Malaysia pula mencatatkan kes pembuangan bayi yang dilaporkan antara tahun 2000 sehingga 2006 ialah 580 orang, majoriti sebanyak 92 peratus adalah bayi baru dilahirkan, manakala 8 peratus adalah janin. Di Lembah Klang saja, hasil laporan Persidangan Kependudukan Kebangsaan 2007 mendedahkan seorang bayi dibuang setiap 10 hari. \*

